



29 Julai 2011  
29 July 2011  
P.U. (A) 254

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH MAJLIS PENETAPAN GAJI (PERINTAH PERATURAN GAJI) (SARAAN MINIMUM BERKANUN PENGAWAL KESELAMATAN SWASTA DI SARAWAK DAN SABAH) 2011

*WAGES COUNCILS (WAGES REGULATION ORDER)  
(STATUTORY MINIMUM REMUNERATION OF PRIVATE  
SECURITY GUARD IN SARAWAK AND SABAH) ORDER 2011*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA MAJLIS PENETAPAN GAJI 1947**

**PERINTAH MAJLIS PENETAPAN GAJI (PERINTAH PERATURAN GAJI)  
(SARAAN MINIMUM BERKANUN PENGAWAL KESELAMATAN SWASTA DI SARAWAK  
DAN SABAH) 2011**

BAHAWASANYA melalui *P.U. (B) 385/2007* dan *P.U. (B) 53/2008* yang disiarkan dalam *Warta* pada 11 Oktober 2007 dan 4 Februari 2008 masing-masingnya, notis telah diberikan mengenai cadangan untuk membuat suatu perintah peraturan gaji di bawah subseksyen 12(3) Akta Majlis Penetapan Gaji 1947 [*Akta 195*]:

DAN BAHAWASANYA representasi bertulis berkenaan dengan cadangan peraturan gaji itu telah diterima dan dipertimbangkan:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 12(3) Akta, Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Majlis Penetapan Gaji (Perintah Peraturan Gaji) (Saraan Minimum Berkanun Pengawal Keselamatan Swasta di Sarawak dan Sabah) 2011**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2011.

**Saraan minimum berkanun**

2. (1) Seorang pekerja sepenuh masa yang diambil kerja sebagai pengawal keselamatan oleh suatu agensi persendirian yang dilesenkan di bawah seksyen 3 Akta Agensi Persendirian 1971 [*Akta 27*] bagi maksud menyediakan perkhidmatan kawalan keselamatan di dalam kawasan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual adalah berhak untuk mendapat saraan minimum berkanun yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual.

(2) Walau apa pun subperenggan (1), agensi persendirian dan pekerja yang disebut dalam subperenggan itu boleh bersetuju dengan saraan yang lebih baik dalam kontrak perkhidmatan antara agensi persendirian dan pekerja itu.